Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

JABATAN KEHAKIM..
(JUDICIAL DEPARTMENT)
MAHKAMAH TINGGI
(HIGH COURT)
MALAYA
KUALA LUMPUR, 01—02

Telefon: KL 939011, 939012
939013, 939014
939015, 939016
939017, 939018

Telegraf: "REGCOURT"

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: Bil.(23)dlm.JK/MA 38

Tarikh: 18hb. Jun, 1986.

Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Yang Dipertua, Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

10 JUN 1986

Hukuman dalam Kes-kes Rogol -
R. lwn. Billam (1986) 1 All ER 985 - 988

Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini perhatian awam semakin meluas ditumpukan kepada hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah dalam kes-kes rogol dan layanan terhadap mangsa-mangsa rogol.

2. Yang Amat Arif Hakim Besar telah mengarahkan saya supaya merujuk kepada kes R. lwn. Billam, suatu kes berkaitan dengan hal-perkara ini yang boleh memberi panduan berguna mengenai hukuman yang berpatutan bagi mereka yang didapati bersalah atas tuduhan merogol. Saya merujuk kepada pemerhatian oleh Lord Lane, C.J. yang berbunyi seperti berikut:

> "Bagi kesalahan merogol yang dilakukan oleh seorang dewasa tanpa apa-apa perlakuan ganas atau fakta-fakta yang boleh memberatkan kesalahan itu, tempoh hukuman selama lima tahun hendaklah di-jadikan sebagai permulaan dalam kes di mana yang tertuduh tidak mengaku salah. Di mana kesalahan merogol itu dilakukan oleh dua orang lelaki atau lebih, yang melakukannya bersama, atau oleh seorang lelaki yang telah memecah masuk atau sebaliknya telah dapat memasuki tempat di mana mangsa berkenaan tinggal, atau

...2/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

oleh seorang yang mempunyai kedudukan tanggungjawab terhadap mangsa berkenaan, atau oleh seorang yang melarikan mangsa tersebut dan menjadikannya sebagai tawanan, tempoh hukuman permulaan hendaklah selama lapan tahun.

Kategori rogol yang paling buruk sekali ialah di mana defendan melakukan apa yang boleh dikatakan sebagai suatu kempen merogol, dengan melakukan jenayah tersebut ke atas beberapa wanita atau gadis. Dia adalah lebih merbahaya daripada yang biasa dan hukuman selama lima belas tahun atau lebih adalah wajar. Di mana kelakuan defendan sendiri menunjukkan tanda-tanda dorongan yang tidak siuman atau kecenderongan psikopatik atau kekacauan personaliti yang melampau, dan di mana dia mungkin, sekiranya masih bebas, menjadi bahaya kepada wanita-wanita sepanjang tempoh yang tidak dapat ditentukan, maka hukuman penjara seumur hidup adalah berpatutan.

Dalam apa keadaan sekalipun, jenayah ini hendaklah dianggap sebagai suatu perbuatan jenayah yang lebih serius oleh mana-mana faktor yang berikut:-

(1) keganasan dilakukan dan ia melebihi daripada kekerasan ketika melakukan rogol;

(2) senjata digunakan untuk menakutkan atau mencederakan mangsa;

(3) perbuatan rogol itu dilakukan berulang kali;

(4) perbuatan rogol itu telah di rancang dengan teliti;

(5) defendan pernah disabit atas kesalahan merogol atau kesalahan-kesalahan serius lain yang kejam atau berbentuk seks;

...3/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

(6) mangsa berkenaan telah mengalami penghinaan atau perbuatan seks akibat dorongan yang tidak siuman seterusnya;

(7) mangsa berkenaan adalah sama ada terlalu tua atau terlalu muda;

(8) kesan ke atas mangsa, sama ada dari segi fizikal atau mental, adalah secara khususnya serius. Di mana salah satu atau lebih daripada ciri-ciri yang teruk ini wujud, hukuman hendaklah lebih berat daripada yang dicadangkan sebagai tempoh permulaan itu.

Akibat penderitaan selanjutnya keatas mangsa kerana terpaksa memberi keterangan dalam Mahkamah, bermakna bahawa akuan bersalah oleh yang tertuduh, mungkin juga jika dibandingkan dengan kes-kes lain, biasanya boleh meringankan sedikit hukuman daripada apa yang sebaliknya merupakan hukuman yang sepatutnya.

Pengurangan seperti itu sudah tentunya bergantung kepada semua hal keadaan, termasuklah kemungkinan pendapat tidak bersalah oleh Mahkamah sekiranya yang tertuduh tidak mengaku salah. Fakta bahawa mangsa berkenaan mungkin disifatkan sebagai telah mendedahkan dirinya kepada bahaya dengan bertindak secara kurang berhati-hati (misalnya menerima pelawaan menumpang kereta daripada orang yang tidak dikenali), bukanlah suatu fakta yang boleh meringankan hukuman; dan pengalaman dahulu mangsa tersebut berhubung dengan seks adalah sama juga tidak relevan. Tetapi jika mangsa itu telah berkelakuan secara yang mendorong defendan mempercayai bahawa dia akan bersetuju melakukan perhubungan seks, maka ini hendaklah diambilkira dalam

...4/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

meringankan hukuman. Kelakuan baik pada masa dahulu adalah suatu pertimbangan yang tidak berapa penting."

(ZAINAL ABIDIN B. MOHD. WAZIR)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya

s.k.

1. Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya.

2. Ketua Pendaftar, Mahkamah Agung Malaysia.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

JABATAN KEHAKIMAN
(JUDICIAL DEPARTMENT)
MAHKAMAH TINGGI
(HIGH COURT)
MALAYA
KUALA LUMPUR, 01—02

Telefon: KL 939011, 939012
939013, 939014
939015, 939016
939017, 939018

Telegraf: "REGCOURT"

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: Bil.(23)dlm.JK/MA 38

Tarikh: 18th. June, 1986.

The Honourable Judges, High Court of Malaya

Presidents, Sessions Courts, West Malaysia.

Sentencing in Rape Case -
R. v. Billam (1986) 1 All ER 985 - 988

The Honourable the Chief Justice of Malaya states that there has been of late widespread public attention focussed on sentences imposed by courts in rape cases and the treatment of rape victims.

2. The Honourable the Chief Justice has directed me to refer to R. v. Billam, a case in point which may provide useful guidelines on appropriate sentences for rape offenders. I refer to the following observations by Lord Lane, C.J.:

> "For rape committed by an adult without any aggravating or mitigating features, a figure of five years should be taken as the starting point in a contested case. Where a rape is committed by two or more men acting together, or by a man who has broken into or otherwise gained access to a place where the victim is living, or by a person who is in a position of responsibility towards the victim, or by a person who abducts the victim and holds her captive, the starting point should be eight years.
>
> At the top of the scale comes the defendant who has carried out what might be described as a campaign of rape,

10 JUN 1986

...2/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

committing the crime on a number of different women or girls. He represents a more than ordinary danger and a sentence of 15 years or more may be appropriate. Where the defendant's behaviour has manifested perverted or psychopathic tendencies or gross personality disorder, and where he is likely, if at large, to remain a danger to women for an indefinite time, a life sentence will not be inappropriate.

The crime should in any event be treated as aggravated by any of the following factors:

(1) violence is used over and above the force necessary to commit the rape;

(2) a weapon is used to frighten or wound the victim;

(3) the rape is repeated;

(4) the rape has been carefully planned;

(5) the defendant has previous convictions for rape or other serious offences of a violent or sexual kind;

(6) the victim is subjected to further sexual indignities or perversions;

(7) the victim is either very old, or very young;

(8) the effect on the victim, whether physical or mental, is of special seriousness. Where any one or more of these aggravating features are present, the sentence should be substantially higher than the figure suggested as the starting point.

1 JUN 1986

...3/-

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

The extra distress which giving evidence can cause to a victim means that a plea of guilty, perhaps more so than in other cases, should normally result in some reduction from what would otherwise be the appropriate sentence. The amount of such reduction will of course depend on all the circumstances, including the likelihood of a finding of not guilty had the matter been contested.

The fact that the victim may be considered to have exposed herself to danger by acting imprudently (for instance by accepting a lift in a car from a stranger) is not a mitigating factor; and the victim's previous sexual experience is equally irrelevant. But if the victim has behaved in a manner which was calculated to lead the defendant to believe that she would consent to sexual intercourse, then there should be some mitigation of the sentence. Previous good character is of only minor relevance."

(ZAINAL ABIDIN B. MOHD. WAZIR)
Registrar,
High Court Malaya

c.c.

1. The Honourable The Chief Justice of Malaya

2. Chief Registrar, Supreme Court of Malaysia.